

**Dr Mahathir tidak peka kepada situasi semasa, kata PKR
Malaysian Insider
7 September, 2012
Oleh Md Izwan**

KUALA LUMPUR, 7 Sept — Ahli dewan undangan negeri (Adun) Seri Setia, Nik Nazmi Nik Ahmad menyifatkan bekas perdana menteri (PM) Tun Dr Mahathir Mohamad tidak peka kepada perkembangan semasa di atas kenyataannya memberi amaran kepada rakyat di negara ini agar tidak memilih Pakatan Rakyat (PR) dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Dr Mahathir berkata rakyat tidak akan berupaya untuk berubah kepada Barisan Nasional (BN) semula apabila PR memerintah nanti.

Dalam ucapannya di Lembah Pantai semalam, Dr Mahathir mengingatkan rakyat untuk tidak "menukar pemimpin" itu kerana ia bukanlah satu tindakan yang baik, sebaliknya mengingatkan berkemungkinan ia langkah yang amat teruk.

"Saya rasa dia tidak peka kepada situasi yang berlaku dalam dunia sekarang.

"Saya rasa rakyat sudah matang dan mampu membuat keputusan sendiri dengan baik.

"Jika pemerintah baru tidak mengamalkan corak pentadbiran yang lebih baik dan telus, mereka boleh nilaikannya sendiri," kata Nik Nazmi kepada The Malaysian Insider.

Nik Nazmi turut mempersoalkan bekas PM tersebut sama ada dia terlupa siapa yang memerintah Malaysia selama 55 tahun serta mengamalkan dasar dan polisi berat sebelah sepanjang tempoh tersebut.

Dalam majlis sama, presiden PKR Dr Wan Azizah juga menyentuh isu yang dibangkitkan bekas PM tersebut sambil menggesa rakyat amnya untuk membandingkan dasar dan polisi yang ditawarkan oleh PR dengan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya akan datang.

"Sekarang berilah peluang dan saya ajak rakyat bersama dengan perjuangan kami untuk mengubah negara kita.

"Cuma saya berharap mereka amalkan politik yang sihat dan bukannya mempromosikan budaya politik samseng," kata Dr Wan Azizah.

Mengulas mengenai hukuman buang kolej dan ditarik pinjaman PTPTN terhadap pelajar dalam insiden malam ambang kemerdekaan 30 Ogos lalu, Dr Wan Azizah berharap pihak kerajaan bersikap adil dan tidak memilih dalam mengenakan tindakan sambil menyifatkan ia sebagai "taktik pengadilan" yang sama sekali tidak adil.

"Ia satu 'taktik pengadilan' yang saya kira tidak adil langsung.

"Kalau mahu ambil tindakan saya mahu ia dilakukan kepada semua dan sama rata, tetapi saya akui tindakan pelajar tersebut biadap dan melanggar adab timur.

"Mengapa tindakan sama tidak diambil ke atas individu yang membuat tindakan sama kepada Lim Guan Eng dan Datuk Nik Aziz Nik Mat, bukankah ia suatu tindakan yang tidak adil?," kata Dr Wan Azizah.

Dr Wan Azizah juga menegaskan sekiranya PR memenangi pilihanraya umum nanti, langkah drastik bakal diambil terutama bagi meminda Akta Hasutan yang digunakan tersebut serta mahu membersihkan institusi kehakiman dan juga polis supaya lebih telus.

"Sudah pasti kami akan meminda semua ini jika memenangi pilihan raya, kami akan membersihkan kehakiman dan juga polis," katanya.

Dalam kejadian malam 30 Ogos lalu, beberapa individu peserta perhimpunan Janji Bersih menghina potret PM dan isteri dengan memijak selain mengibar bendera "Sang Saka", sejak daripada insiden tersebut polis telah menubuhkan tiga pasukan khas untuk melakukan siasatan.

Lanjutan insiden tersebut, Muhammad Ammar A. Rahman telah dibuang daripada pelajar Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernatics kerana menunjukkan punggung kepada potret perdana menteri (PM) Datuk Seri Najib Razak pada malam ambang Kemerdekaan tempoh hari manakala dua lagi Ong Sing Yee, 19 dan Lim Kian Peng, 20 pula menghadapi siasatan polis mengikut Seksyen 4 (1)(b) Akta Hasutan 1948, Seksyen 290, 504 dan 509 Kanun Keseksaan.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dr-mahathir-tidak-peka-kepada-situasi-semasa-kata-pkr/>